



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 458 Jld 2. / (9)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

10 November 2025

12 Jamadilawal 1447H

Semua Juruukur Tanah Berdaftar

YBhg. Datuk Seri / Dato' Indera / Datuk / Dato' / Dr / LSr / Tuan / Puan,

MAJLIS PERJUMPAAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BERSAMA JURUUKUR TANAH BERDAFTAR TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengadakan satu Majlis Perjumpaan LJT bersama Juruukur Tanah Berdaftar bagi tahun 2025 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 1 Disember 2025 (Isnin)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Prima Grand Ballroom
Aras 6, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk Seri / Dato' Indera / Datuk / Dato' / Dr / LSr / Tuan / Puan adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke majlis berkenaan.

4. Sukacita turut dimaklumkan bahawa Lesen Amalan Ukur tahun 2026 dan mata CPD kepada Juruukur Tanah Berlesen serta elaun kehadiran kepada semua Juruukur Tanah Berdaftar yang hadir adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan sepertimana di **Lampiran A**. Bersama-sama ini juga disertakan Aturcara Majlis seperti di **Lampiran B** dan Borang Maklumat Nombor Akaun Bank di **Lampiran C**. Sila lengkapkan dan bawa bersama Borang di Lampiran C tersebut semasa membuat pendaftaran kehadiran.

5. Kerjasama dan kehadiran daripada pihak YBhg. Datuk Seri / Dato' Indera / Datuk / Dato' / Dr / LSr / Tuan / Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)
Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k.:

1. YBhg. Dato' LSr Hazri bin Hassan
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia
2. YBrs. Tuan LSr Haji Md Rodi bin Ismail
Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah
Malaysia

*YBhg. Dato' LSr / Tuan LSr adalah
dengan segala hormatnya dijemput
hadir ke majlis ini*

Syarat-Syarat Kelayakan Elaun Kehadiran

- Perlu mendaftarkan kehadiran sebelum atau selewat-lewatnya pada jam 9.30 pagi.
- Kehadiran selepas jam 9.30 pagi TIDAK akan diambilkira untuk pemberian elaun. Walau bagaimanapun, cenderahati ('Goodies bag') tetap diberi kepada semua juruukur.
- Perlu menandatangani borang kehadiran Bahagian Kedua pada jam 2.00 petang di meja pendaftaran yang sama untuk pengambilan Lesen Amalan Ukur 2026
- Elaun tidak akan diberi kepada Juruukur Tanah Berdaftar/ Berlesen yang tidak hadir (wakil hanya dibenarkan untuk pengambilan Lesen Amalan Ukur serta 'Goodies bag' sahaja)

Syarat-Syarat Pengambilan Lesen Amalan Ukur 2026

- Lesen Amalan Ukur 2026 hanya boleh diambil oleh pemilik lesen itu sendiri.
- Wakil yang ingin mengambil Lesen Amalan Ukur JTB lain WAJIB membawa bersama surat wakil kuasa yang ditandatangani oleh pemilik lesen itu sendiri walaupun dalam firma atau ahli keluarga yang sama.
- Diingatkan bahawa Lesen Amalan Ukur 2026 hanya boleh diambil bermula jam 2.00 hingga 3.00 petang sahaja.
- Selepas jam 3.00 petang meja penyerahan lesen akan ditutup dan Lesen Amalan Ukur 2026 boleh dituntut di kaunter aras 5, Wisma LJT pada hari-hari berikutnya.

ATURCARA
MAJLIS PERJUMPAAN LJT BERSAMA JTB TAHUN 2025
1 DISEMBER 2025 (ISNIN)

MASA	PERKARA
8.00am - 9.30am	Pendaftaran dan Pemberian ' <i>Goodies Bag</i> '
9.30am - 10.00am	Nyanyian Lagu ' <i>Negaraku</i> ', Lafaz Ikrar Rukun Negara dan Bacaan Doa
10.00am - 10.30am	Amanat oleh Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, YBhg. Dato' LSr Hazri bin Hassan
10.30am - 10.45am	Rehat / <i>Tea Break</i>
10.45am - 11.45am	Ceramah Bertajuk ' <i>Introduction to Regulations and Requirement for Unmanned Aircraft Systems (UAS) Operations</i> ' oleh Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)
11.45am - 1.00pm	Penyampaian Sijil Kecekapan dan Sijil Perakuan Pendaftaran kepada Juruukur Tanah Berdaftar & Penyampaian Sijil Kompetensi Kursus Pengukuran dan Pemetaan Bawah Tanah Peringkat Juruukur Tanah Berlesen Kumpulan ke-10
1.00pm - 2.00pm	Jamuan Makan Tengahari di Dewan Seri Nilam, Aras 5
2.00pm - 3.00pm	Penyerahan Lesen Amalan Ukur dan Pengesahan Kehadiran bagi Pembayaran Elaun Kehadiran
3.00pm	Majlis Bersurai



MAJLIS PERJUMPAAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BERSAMA
JURUUKUR TANAH BERDAFTAR TAHUN 2025

MAKLUMAT NOMBOR AKAUN BANK BAGI PEMBAYARAN ELAUN KEHADIRAN

NAMA JURUUKUR:	
NAMA PRAKTIS/ SYARIKAT:	
NAMA AKAUN:	
NOMBOR AKAUN:	
NAMA BANK:	
ALAMAT EMEL:	

Tandatangan:

Cop Jawatan/Syarikat:

Nota Penting: Sila serahkan borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani semasa pendaftaran kehadiran. Maklumat yang **TIDAK LENGKAP** tidak akan diproses.